



Orang Laut

Orang Laut

1. Dikenali sebagai Orang Selat
2. Tome Pires menggelarkan mereka sebagai Celates. Kumpulan manusia yang tinggal di dalam perahu atau *Boat People*.
3. Orang Belanda menggelarkan mereka sebagai *Selatter*.
4. Leonard Y. Andaya menggelarkan mereka sebagai *Aquatic Population*.
5. Pulau Bentan merupakan pusat aktiviti Orang Laut. Orang Laut juga menghuni di sekitar pulau-pulau di Selat Melaka, pantai Barat Daya Borneo, pulau-pulau di Laut China Selatan dan di Kepulauan Celebes, Maluku dan Filipina Selatan.
6. Orang Laut merupakan pendayung, hulubalang, panglima dan bentara yang handal.
7. Suku yang paling berkuasa ialah Suku Bentan.
8. Orang Laut menduduki hierarki keempat dalam struktur pemerintahan kerajaan Melaka dan Johor.
9. Antara tugas Orang Laut termasuklah:
 - Hulubalang – Suku Bentan
 - Pahlawan – Suku Bulu, Mapar, Galang, Gelam, Sekana, Sugi
 - Pendayung sultan – Suku Ladi, Galang, Gelam, Sekana, Klong, Trong, Moro, Tambus
 - Pengangkut utusan dan surat kepada pemerintah luar – Suku Mepar
 - Menyediakan agar-agar dan sagu kepada sultan – Suku Kasu, Trong, Sugi, Moro
 - Berkhidmat di dapur istana – Suku Ladi
 - Menjaga anjing perburuan sultan – Suku Tambus
10. Orang Laut juga bertugas menarik kapal asing berdagang di pelabuhan Melaka dan Johor.
11. Peranan Orang Laut berkurangan dalam kerajaan Melayu selepas kemangkatan Sultan Mahmud Shah II pada tahun 1699.